

Gajah dalam Peribahasa Melayu: Analisis Rangka Rujuk Silang

Elephas Maximus in Malay Proverbs: Cross-Reference Framework Analysis

Aminnudin Saimon* & Muhammad Fuad Roslan
Kulliyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Hab Pendidikan Pagoh, Malaysia

Submitted: 18/7/2022. Revised edition: 14/11/2022. Accepted: 1/12/2022. Published online: 26/12/2022

ABSTRACT

The beauty of Malay proverbs can not only be seen through the use of poetic language but can also be seen through the common sense. A beautiful proverb with a deep meaning is the result of the Malay community's high appreciation and common sense towards the environment that underlies life. Therefore, this study was conducted to identify the elephant-based domain in proverbs based on corpus data obtained through the book Malay Proverbs: A Study of Meaning and Value written by Zaitul Azma Zainon Hamzah and Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) and www.malaycivilization.com website. This study applies the Cross-Reference Framework (RRS) from Kempson (1984). The results of the study found that the element of elephant serves as a symbol in Malay proverbs that are closely related to life of the Malay community itself. There are five main domains of elephant proverbs which are include the domains of leadership (12 proverbs), humanity (14 proverbs), life (13 proverbs), thrift (3 proverbs) and knowledge (3 proverbs). Malay observations and life experiences were contributing to creative thinking in conveying the implicit message with politeness.

Keywords: Proverbs, elephant, domain, Cross-Reference Framework and thought

ABSTRAK

Keindahan peribahasa Melayu bukan hanya dapat dilihat melalui penggunaan bahasa yang puitis, namun dapat juga dilihat melalui penghasilan akal budi. Peribahasa yang indah dan mempunyai maksud yang mendalam terhasil melalui penghayatan dan akal budi yang tinggi masyarakat Melayu terhadap persekitaran yang melatar kehidupan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti domain berunsurkan gajah dalam peribahasa berpandukan data korpus yang diperoleh menerusi buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai hasil penulisan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) dan laman sesawang www.malaycivilization.com. Kajian ini mengaplakasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) daripada Kempson (1984). Hasil kajian mendapat unsur gajah berfungsi sebagai perlambangan dalam peribahasa Melayu yang mempunyai perkaitan rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri. Dapatkan menunjukkan terdapat 45 peribahasa yang digunakan berobjekkan gajah. Daripada 45 peribahasa, kajian ini membahagikan kepada lima domain, iaitu domain kepimpinan (12 peribahasa) kemanusiaan (14 peribahasa), alam kehidupan (13 peribahasa), jimat cermat (3 peribahasa) dan ilmu pengetahuan (3 peribahasa). Pengamatan dan pengalaman hidup orang Melayu terhadap alam semula jadi menyumbang kepada pemikiran kreatif dalam menyampaikan mesej yang tersirat dengan penuh kesantunan.

Kata kunci: Peribahasa, gajah, domain, Rangka Rujuk Silang dan akal budi

*Correspondence to: Aminnudin Saimon (email: deanamin@iium.edu.my)

PENGENALAN

Keindahan peribahasa termasuklah gurindam, pantun, cerita rakyat, peribahasa dan syair merupakan salah satu karya kesusasteraan masyarakat Melayu (Muhammad Zaid Daud, 2020). Pelbagai unsur alam semula jadi termasuklah benda yang hidup dan bukan hidup dijadikan sebagai sumber utama yang membawa kepada wujudnya peribahasa Melayu. Menurut Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021) alam semula jadi mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan manusia dalam mencipta karya-karya kesusasteraan secara rasional. Oleh itu, tidak hairanlah pengamatan, penghayatan terhadap agama, adat dan budaya serta alam kehidupan sekeliling membawa kepada terciptanya karya-karya sastera ini. Peribahasa-peribahasa Melayu yang telah dicipta sememangnya sangat berkait rapat dengan pengalaman hidup masyarakat Melayu dan turut memaparkan nilai dan hati budi orang Melayu.

Tujuan orang Melayu mencipta peribahasa adalah untuk mendidik, memberi teguran, meluahkan rasa hati dan digunakan sebagai alat untuk berkias dalam percakapan, iaitu dapat menggunakan bahasa yang halus untuk menegur seseorang tanpa menjatuhkan air muka individu yang ingin ditegur (Nur Izzati Rozman dan Nor Azilawati Mohd. Noor, 2018). Fungsi peribahasa Melayu adalah untuk menjadi tauladan kepada hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam (Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, 2017). Bahasa kiasan atau bahasa berlapik sering digunakan oleh orang Melayu terutamanya dalam perbualan sehari-hari (Muhammad Zaid Daud et. al., 2021). Kebijaksanaan dan sumbangan masyarakat Melayu sememangnya amat banyak dan dapat dilihat menerusi penciptaan simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan yang tercakup di bawah bidang peribahasa.

Melalui penghasilan peribahasa yang diadaptasi daripada persekitaran, unsur flora dan fauna merupakan elemen paling penting dalam penciptaan peribahasa. Unsur fauna seperti elemen gajah mempunyai pelbagai makna tersirat dan keperihalan yang hendak disampaikan. Oleh itu, tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk mengenal pasti domain berunsurkan gajah dalam peribahasa Melayu.

PENYATAAN MASALAH

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji perlambangan unsur haiwan dalam peribahasa, antaranya unsur ikan daripada Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurashikin Wan Ismail (2016), unsur unggas daripada Muhammad Zaid Daud (2018), Nur Izzati Rozman dan Nor Azilawati Mohd. Noor (2018) dan unsur burung oleh Muhammad Syafiq Amran dan Julaina Nopiah (2020). Kajian yang dilakukan adalah untuk merungkai dengan lebih dalam mengenai peribahasa yang dihasilkan menggunakan unsur yang dipilih. Tambahan pula, bagi mendalami makna peribahasa dengan lebih terperinci, pendekatan semantik semakin kerap digunakan termasuklah pendekatan semantik kognitif dan juga semantik inkuisitif. Namun begitu, kajian-kajian yang berfokuskan peribahasa yang berunsurkan gajah masih kurang dilakukan.

Kajian yang hampir dengan kajian ini adalah daripada Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2020) yang memfokuskan kajian peribahasa tamil. Dari sudut dapatan, kajian sarjana ini mempunyai persamaan, iaitu dari sudut simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan. Namun demikian, objek

perlambangan dalam peribahasa adalah sama, namun pemaknaan dan akal budi yang disampaikan adalah berbeza. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil inisiatif untuk memperlihatkan domain yang berunsurkan gajah dalam peribahasa Melayu dengan mengupas makna setiap peribahasa dengan lebih mendalam. Justeru, masalah yang timbul adalah untuk melihat sejauh mana pengaplikasian unsur gajah dalam peribahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) menjalankan kajian yang bertajuk Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu mendapat bahawa akal budi di sebalik makna harfiah peribahasa dapat dicungkil. Kajian ini dihasilkan adalah bertujuan untuk menggabunggalinkan pendekatan semantik inkuisitif dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan Bahasa Melayu. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menggunakan data-data peribahasa yang diambil daripada sukanan mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan satu hingga lima. Data peribahasa ini dikelaskan mengikut tema-tema yang diperoleh daripada kamus peribahasa. RRS diaplikasikan mengikut kesesuaian konteks pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan pembuktian linguistik penggunaan peribahasa ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya’. Melalui RRS, pemilihan leksikal ‘acuan’ dan ‘kuih’ dirujuksilangkan dengan ‘ibu bapa’ dan ‘anak’. Jika diteliti, penggunaan imej ‘acuan’ dan ‘kuih’ merupakan premis tambahan kepada kehadiran leksikal ‘ibu bapa’ dan ‘anak’ yang berperanan sebagai objek utama dalam peribahasa ini. Peribahasa ini berperanan dalam membentuk sahsiah ‘anak-anak’ dan semuanya bermula di rumah. Dalam peribahasa ini, ‘bagaimana acuan’ merupakan anteseden yang boleh difahami kerana muncul di hadapan ‘begitulah kuihnya’. Penggunaan peribahasa ini memberikan interpretasi yang jelas mengenai hubung kait antara ungkapan peribahasa dengan makna yang diberikan dengan tema kekeluargaan.

Kajian yang bertajuk Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif oleh Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Julaina Nopiah (2020) meneroka pemikiran kreatif orang Melayu yang menggunakan unsur burung dalam mencipta peribahasa. Pengkaji telah mengecilkan skop kajian dengan memfokuskan empat jenis burung sahaja, iaitu “burung pipit, enggang, pegar dan juga pungguk”. Kesemua data diperoleh daripada pengkalan data www.malaycivilization.com Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pengkaji menggunakan pendekatan SI sekali gus menjadikan kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajian kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis makna dari setiap peribahasa dengan menggunakan tiga tahap. Menerusi kajian ini, dapat dijelaskan bahawa burung pegar yang diharapkan untuk menjaga tanaman padi, telah mengkhianati tuannya dengan melakukan yang sebaliknya. Masyarakat Melayu yang mempunyai tahap intelektual yang sangat tinggi telah mengaitkan perbuatan burung pegar ini dengan sifat sesetengah individu yang mengkhianati tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Pendekatan RRS bagi peribahasa ‘umpama pipit menelan jagung’ misalnya bertujuan untuk membuktikan makna kesusahan yang bakal dialami oleh seseorang sekiranya terlalu mengikut cara, gaya mahupun tindakan orang-orang lebih kaya, besar, berstatus tinggi dan sebagainya.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurashikin Wan Ismail (2016) menjalankan kajian yang bertajuk Ikan (*Pisces*) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif bagi meneroka akal budi dan falsafah orang Melayu yang terkandung dalam peribahasa dengan memberikan tumpuan kepada unsur ikan melalui kaca mata semantik inkuisitif. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan pendekatan

semantik inkuisitif dan kaedah Rangka Rujuk Silang. Melalui pencarian sumber data di portal www.Malaycivilization.com, pengkaji telah menemui 135 data yang telah dikenal pasti mengandungi unsur ikan. Pengkaji kemudiaannya hanya meneliti 35 data peribahasa yang dibahagikan mengikut 7 domain utama iaitu domain berhati-hati, rezeki, jodoh, kebiasaan, sia-sia, khianat dan sindiran. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa serta menjawab segala persoalan tentang rasionalnya objek ikan dalam penciptaan peribahasa Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional mempunyai pemikiran yang sangat kritis dalam penciptaan peribahasa berunsurkan ikan. Keadaan ini berikutan masyarakat Melayu menjadikan ikan sebagai objek dalam peribahasa Melayu adalah untuk mengaitkannya dengan pekerjaan nelayan dan petani yang merupakan pekerjaan masyarakat Melayu pada ketika itu. Pengkaji turut menyatakan bahawa masyarakat Melayu adalah masyarakat yang bijak kerana dapat mengetahui segala selok-belok mengenai khasiat yang terdapat pada ikan. Antaranya ialah ikan haruan mempunyai khasiat dalam menyembuhkan luka organ dalaman manusia. Pengkaji mendapati bahawa setiap makna yang berhasil daripada peribahasa Melayu yang berobjekkan ikan ini menunjukkan daya pemikiran orang Melayu yang sangat tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ialah kajian tinjauan awal mengenai domain yang berunsurkan gajah dalam peribahasa. Oleh yang demikian, pengaplikasian teori dalam kajian ini adalah berdasarkan Rangka Rujuk Silang (RRS) Kempson (1984). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan bahan kajian, iaitu Buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai” hasil penulisan “Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) dan laman sesawang malaycivilization.com.my. Semua peribahasa yang berunsurkan gajah akan merujuk kepada buku dan laman sesawang tersebut. Setiap peribahasa yang mengandungi unsur gajah akan dirujuk kepada RRS bagi mendapatkan padanan dan domain yang tepat.

Rangka Rujuk Silang (RRS)

Rangka rujuk silang (RRS) merupakan suatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden, yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar untuk mentafsir ujaran. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandung eksplisitnya maupun gambaran visualnya. RRS mesti melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis yang dapat dilakukan oleh penutur bagi membantu pendengar memahami ujarannya adalah dengan memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks.

Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenarnya yang dihajati oleh penutur. Premis tambahan dalam RRS yang dimaksudkan oleh Kempson (1986) dinamakan sebagai *Bridging Implicature*. Dalam hal ini, penulis menterjemahkannya sebagai rangka implikatur, iaitu satu premis ensiklopedia yang wujud antara dua ayat yang membantu penutur memahami ujaran. Dalam implikatur perantara, satu andaian berkонтекstual baru, iaitu pangkal fikir baru akan dibentuk oleh pendengar tentang rujukan yang dikehendaki apabila rujukan itu tidak dinyatakan secara eksplisit.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 45 peribahasa yang menggunakan unsur gajah dalam peribahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan bahawa peribahasa Melayu berobjekkan gajah ini mempunyai lima domain utama, iaitu domain kepimpinan, kemanusiaan, alam kehidupan, jimat cermat dan ilmu pengetahuan.

Domain Kepimpinan

Berdasarkan penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat 12 peribahasa yang menggunakan gajah sebagai objek utama dalam penghasilan peribahasa. Penggunaan unsur gajah dalam peribahasa berdomainkan kepimpinan amat jelas disampaikan secara eksplisit. Penginterpretasian makna domain kepimpinan ini dapat dilihat melalui makna yang diberikan dalam bahan kajian. Dari situlah domain kepimpinan dapat diklasifikasikan sebagai domain kepimpinan berobjekkan gajah. Perhatikan Jadual 1 bagi menjelaskan domain kepimpinan berobjekkan gajah. P1 mewakili peribahasa 1 dan seterusnya.

Jadual 1 Domain Kepimpinan

Domain		Peribahasa	Makna
Kepimpinan	P1	Adat gajah terdorong	Orang besar-besar pun ada dengan kesusahannya, sekurang-kurangnya tidak sebebas orang kebanyakan kerana peraturan tatatertib
	P2	Seperti gajah dengan sengkalanya	Kadang-kadang orang yang besar akan kehilangan kuasanya
	P3	Sedangkan gajah yang besar dan berkaki empat lagi tersadung	Orang yang besar-besar itu ada waktunya akan kehilangan kebesaran dan kekuasaannya
	P4	Gajah rompong belalai	Raja yang tiada kuasa
	P5	Habis kuman disembelih hendak memberi makan gajah	Menyusahkan orang kebanyakan atau rakyat kerana hendak menyenangkan orang yang berkedudukan atau berpangkat

Jadual 1 menunjukkan dapatan data yang memaparkan peribahasa berunsurkan gajah dalam domain kepimpinan. Terdapat 12 peribahasa berobjekkan gajah berjaya dikenal pasti dalam buku “Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai” berdasarkan domain kepimpinan. Gajah yang bersaiz besar dan memiliki tubuh yang gagah telah dijadikan perlambangan dengan sesuatu yang kuat dan berkuasa. Masyarakat Melayu menjadikan gajah sebagai simbolik kepada orang-orang yang mempunyai kuasa dan jawatan dalam kepimpinan. Seseorang pemimpin yang berkaliber akan dapat mencapai dan memenuhi matlamat organisasi. Berdasarkan domain kepimpinan ini, terdapat tiga kategori unsur yang boleh dilihat, termasuklah ciri-ciri pemimpin, gaya kepimpinan dan orang yang dipimpin (Muhammad Asyraf Md Rashid & Aminnudin Saimon, 2021) yang menyatakan bahawa terdapat 97 peribahasa Melayu yang berkonsepkan kepimpinan.

Berdasarkan peribahasa yang dipersembahkan, jelas menunjukkan bahawa penggunaan elemen gajah dalam mengungkapkan domain kepimpinan dinyatakan secara eksplisit. Sebagai contoh P3 dengan jelas menyatakan sifat kepimpinan dalam peribahasa yang menggunakan elemen gajah dalam menyatakan domain kepimpinan. Penggunaan elemen gajah ini disuaikan dengan maknanya yang tepat, iaitu orang yang besar-besar itu ada waktunya akan kehilangan kebesaran dan kekuasaannya. Jelasnya di sini, gajah dalam P3 mewakili orang besar-besar disebabkan sifat fizikal gajah itu yang besar, dan tersadung merujuk kepada kejatuhan pemerintahan. RRS dapat dilihat pada penerangan di bawah.

P3: RRS.

P3: Sedangkan **gajah yang besar dan berkaki empat** (1) lagi tersadung (2)

Makna: Orang yang besar-besar (1) itu ada waktunya akan kehilangan kebesaran dan kekuasaannya (2)

Contoh ayat 1:

Rahsia Emery berjaya (1) jinak United (2) bertepatan dengan peribahasa sedangkan **gajah yang**

besar dan berkaki empat (2) lagi tersadung (1)

(Berita Harian, 9 Nov 2022)

Berdasarkan P3: RRS, jelas menunjukkan bahawa padanan gajah kepada domain kepimpinan dapat dihasilkan. Begitu juga dengan leksikal tersadung yang merujuk kepada kehilangan kuasa. Kempson (1984) mengatakan bahawa RRS merupakan sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Berdasarkan kenyataan ini, RRS bagi P3 dapat dipadankan dengan tepat berdasarkan elemen dan sifat gajah yang menjelaskan kepada pemakaian P3 ini. Elemen gajah dalam P3 dengan jelas berpadanan orang-orang besar berdasarkan susunan makna dan sifat fizikal gajah itu sendiri. Maklumat yang hadir pada sebelum dan selepas sesuatu elemen amat membantu dalam penginterpretasian makna sesuatu peribahasa. Kempson (1984) mengatakan bahawa maklumat awal mengenai perkara yang diperkatakan tidak wujud dalam ujaran, namun premis tambahan mampu menginterpretasi maklumat dengan lebih baik. Jelaslah bahawa elemen gajah secara langsung membawa domain kepimpinan dalam P3 ini berdasarkan anteseden, maklumat awal dan maklumat tersirat yang dibawa oleh sifat gajah itu sendiri. Begitu juga halnya dengan leksikal ‘tersadung’ yang bersinonim dengan makna terjatuh. Leksikal ini secara tersirat membawa makna kejatuhan tumpuk kepimpinan. Jika diamati P3 ini, dengan jelas mengatakan bahawa gajah yang gagah (merujuk kepada berkaki empat) juga akan tersadung atau jatuh.

Pengaplikasian RRS dalam menentukan padanan makna dan elemen amat berkait rapat dengan pemahaman pembaca tentang ensiklopedia peribahasa tersebut. Jika pembaca kurang memahami leksikal yang terdapat dalam peribahasa, maka pemadanan RRS sukar untuk dihasilkan. Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin, (2018) mengatakan bahawa peranan kognisi pendengar akan menentukan keberkesanan interpretasi yang tepat terhadap makna. Justeru, RRS hanya membantu pendengar untuk memadankan padanan yang tepat berdasarkan pemahaman yang jitu terhadap leksikal yang terdapat dalam peribahasa.

Secara kesimpulannya, konteks yang digunakan dalam peribahasa dan pengaplikasiannya dalam ayat 1 adalah berkenaan kekuasaan dan kekuatan. Justeru, kesan konteks yang digunakan dan diberikan sangat memudahkan pembaca untuk menginterpretasi makna peribahasa tersebut. Kesan konteks yang diberikan dalam ayat 1 juga memadai dengan adanya perkataan ‘berjaya jinak’ yang memudahkan pembaca memahami makna ayat tersebut. Maklumat ensiklopedia yang ada dalam ayat 1 dan ditambah dengan pengetahuan sedia ada pembaca, iaitu mengenai konteks ‘United’ pada masa ini memberikan maklumat tambahan kepada peribahasa tersebut. Dengan adanya konteks dan kesan konteks yang memadai dan mencukupi, maka usaha memproses juga amat mudah untuk diinterpretasi.

Domain Kemanusiaan

Dalam konteks kajian ini, peribahasa yang menggunakan leksikal gajah bagi merujuk kepada domain kemanusiaan hanya 14 peribahasa yang dikenal pasti. Domain kemanusiaan ini adalah berkaitan pendisiplinan diri dan masyarakat, teguran, sindiran dan sebagainya. Kemanusiaan merujuk kepada nilai-nilai insaniah yang terdiri daripada nilai-nilai murni atau nilai moral terhadap sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang positif yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Perhatikan Jadual 2 yang mengandungi domain kemanusiaan berunsurkan gajah.

Jadual 2 Domain Kemanusiaan

Domain		Peribahasa	Makna
Kemanusiaan	P6	Anjing menyalak di punggung gajah	Orang yang lemah atau hina hendak melawan orang yang berkuasa tentulah sia-sia sahaja
	P7	Bangkai gajah bolehkah ditudungkan dengan nyiru?	Sesuatu perbuatan jahat yang besar tidak dapat disembunyikan
	P8	Gajah berhati, kuman pun berhati juga	Kaya atau miskin, setiap orang berfikiran dan bernafsu
	P9	Gajah dipandang seperti kuman	Orang yang sangat marah tidak takut pada sesiapa pun lawannya

Jadual 2 menunjukkan paparan data berkaitan peribahasa berunsurkan gajah dalam domain kemanusiaan. 14 peribahasa Melayu yang mengandungi unsur gajah dikenal pasti sebagai domain kemanusiaan. Menurut Aminnudin Saimon dan Muhammad Asyraf Md Rashid (2021) sifat kebenaran, kedamaian dan kasih sayang merupakan nilai-nilai kemanusiaan. Berdasarkan kajian ini, objek gajah menjadi perlambangan kepada sifat-sifat manusia yang menggambarkan sifat yang positif atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, berdasarkan Jadual 2 secara eksplisitnya penggunaan elemen gajah digunakan bagi merujuk kepada domain kemanusiaan. P6 sebagai contohnya mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi dalam mengkritik dan menegur masyarakat mengenai aspek kemanusiaan. Peribahasa P6 ini menunjukkan bahawa orang yang lemah tidak mampu untuk melawan orang yang besar atau berkuasa dari segi kekuatan, hak, kebebasan bersuara dan sebagainya. Hal ini jelas dapat dilihat melalui perbandingan penggunaan elemen utama, iaitu anjing dan gajah yang secara implisitnya mempunyai kedudukan,

kehormatan yang berbeza. Justeru, pemaknaan P6 ini dapat dilihat menerusi RRS di P6:RRS bagi memudahkan pemahaman.

P6: RRS

P6: Anjing (1) menyalak (2) di punggung (3) gajah (4)

Makna: **Orang yang lemah atau hina (1) hendak melawan (2) orang yang berkuasa tentulah sia-sia (3) sahaja**

Contoh ayat 2:

‘**Saya (1) mahu memimpin UMNO, jadi PM (2) satu hari nanti**’ bertepatan dengan peribahasa **anjing (1) menyalak di punggung gajah (2)**

(Berita Harian, 9 Nov 2022)



Berdasarkan P6: RRS, padanan bagi setiap leksikal dalam P6 dengan makna yang tepat berjaya dilakukan. Jika diperhatikan, domain kemanusiaan dapat dicungkil melalui P6 ini berdasarkan padanan makna, iaitu nilai moral yang menunjukkan orang lemah tidak akan berjaya melawan orang yang lebih berkuasa. Aspek ini dapat dilihat melalui penggunaan elemen gajah dan anjing yang secara implisitnya mengandungi tafsiran khusus dalam P6. Imran Ho-Abdullah (2011) mengatakan bahawa terdapat perbezaan dalam pandangan serta penilaian masyarakat terhadap haiwan tertentu. Sebagai contoh, singa dan harimau sering kali dikonotasikan dengan keberanian. Namun, setelah diteliti secara mendalam, gajah juga dikonotasikan sebagai satu sifat keberanian dan kebesaran. Begitu juga halnya dengan anjing yang dianggap setia dan haiwan peliharaan kegemaran dalam budaya barat, namun berbeza tafsiran dalam budaya Melayu (Imran Ho-Abdullah, 2011). Berdasarkan perbandingan yang dinyatakan, jelaslah bahawa RRS yang dijalankan adalah bersesuaian dan tepat mengikut kepada tafsiran budaya dan pemaknaan peribahasa tersebut. Jika diperhatikan pada P6: RRS, pemaknaan bagi leksikal anjing (1) dipadankan dengan orang yang lemah atau hina (1) yang membawa definisi anjing sebagai haiwan yang sangat lemah dan hina berdasarkan tafsiran budaya Melayu. Hal ini demikian kerana pemilikan sifat anjing yang hina dan lemah berdasarkan susunan hieraki alam haiwan boleh disifatkan kepada sifat manusia yang memiliki perwatakan atau berperangai sedemikian. Begitu juga dengan pemilikan sifat gajah yang boleh dimetaforik kepada sifat yang gagah, berani dan berkuasa. Sifat gajah ini boleh dimetaforikkan sifat manusia yang beperwatakan gagah, berkuasa dan mempunyai sifat-sifat yang ada pada gajah. Perlambangan dan persifatan ini adalah bertujuan sebagai personifikasi kepada perwatakan manusia yang memiliki sifat-sifat tersebut.

Seterusnya, padanan menyalak (2) dipadankan kepada melawan. Perbuatan menyalak ini adalah sifat yang dimiliki anjing. Sifat menyalak ini dimetaforikkan sebagai satu perbuatan negatif disebabkan oleh sifat anjing yang suka menyalak walaupun mendapat sesuatu kebaikan. Justeru, dalam P6:RRS leksikal menyalak (2) dipadankan dengan melawan adalah berdasarkan pemilikan sifat anjing itu sendiri. Dalam peribahasa ini, tingkah laku anjing menyalak di ekor gajah dipetakan kepada mandala tingkah laku manusia (Imran Ho-Abdullah, 2011). Dalam skema RUM (Melayu), anjing merupakan haiwan yang lebih rendah (bukan sahaja dari segi saiz dan kekuatan) daripada gajah (Lakoff & Turner, 1989). Oleh itu salakan anjing tiada kesan pada gajah yang besar kerana gajah tidak takut dan tidak boleh diapa-apakan oleh salakan anjing. Tambahan pula anjing hanya mampu menyalak di bahagian belakang atau ekor gajah yang menekankan

lagi kelemahan dan kehinaan sang anjing melalui metafora BELAKANG ITU HINA (HADAPAN ITU MULIA) (Imran Ho-Abdullah, 2011). Pemetaan sumber kepada sasaran menghasilkan makna peribahasa ‘perbuatan yang sia-sia apabila orang yang lemah / hina cuba melawan orang yang berkuasa’. Berdasarkan RRS yang dijalankan dan ditambah dengan huraian sarjana, jelas menunjukkan bahawa P6 merujuk kepada domain kemanusiaan yang dikonotasi dan dimetaforik kepada satu bentuk sifat negatif.

Jika diperhatikan pada ayat 2, konteks yang digunakan dalam ayat tersebut berkisar mengenai pucuk kepimpinan. Jika dilihat pada leksikal yang digunakan amat mudah untuk difahami mengenai konteks perbualan tersebut. Kesan konteks yang melatari konteks perbualan tersebut amat mencukupi dan memberikan maklumat tambahan pada konteks perbualan tersebut. Leksikal seperti mahu memimpin dan jadi PM merupakan satu maklumat tambahan yang boleh diperkuat dalam ensiklopedia seseorang. Jika diperhatikan dari sudut konteks yang digunakan, kesan konteks yang ada dapat memberikan interpretasi yang tepat dalam usaha untuk menginterpretasi makna sebenar penutur. Justeru, berdasarkan kesan konteks yang maksimum, usaha memproses bagi peribahasa dan ayat ini adalah rendah.

Domain Alam Kehidupan

Dalam konteks kajian ini, terdapat sebanyak 13 peribahasa Melayu dikenal pasti. Domain alam kehidupan merangkumi kehidupan sehari-hari manusia, termasuklah perbuatan yang dilakukan dan juga berkait dengan persekitaran sekeliling manusia seperti nasib seseorang, alam pekerjaan dan sebagainya. Dalam konteks peribahasa yang dikenal pasti, gajah juga digambarkan sebagai sesuatu yang besar dijadikan unsur untuk memaparkan kekayaan ataupun harta dan juga sesuatu pekerjaan yang besar. Perhatikan Jadual 3 yang memaparkan domain alam kehidupan berunsurkan gajah.

Jadual 3 Domain Alam Kehidupan

Domain		Peribahasa	Makna
Alam Kehidupan	P10	Kalau gajah hendaklah dipandang pada gadingnya, kalau harimau hendaklah pandang pada belangnya	Sebelum membuat sesuatu kesimpulan, mesti pertimbangkan sesuatu perkara itu terlebih dahulu
	P11	Gajah memamah aris, baik diikat kera kecil yang memakan buah kayu	Daripada mengharapkan sesuatu yang besar yang belum pasti diperoleh, lebih baik menerima sahaja yang sedikit yang sudah ada dalam tangan
	P12	Hitam-hitam gajah, putih-putih udang kepai	Yang hina tetap hina walaupun baik rupanya, yang mulia tetap mulia walaupun buruk rupanya
	P13	Gajah mati tulang setimbun	Seseorang yang kaya mati, tentunya dia banyak meninggalkan harta

Paparan data dalam Jadual 3 menunjukkan empat peribahasa berobjekkan gajah yang berdomainkan alam kehidupan. Pengalaman hidup orang Melayu menunjukkan kepekaan yang sangat tinggi terhadap persekitaran sekeliling (Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, 2017). Berdasarkan Jadual 3, objek gajah digunakan sebagai perlambangan kepada perbuatan manusia dalam kehidupan sehari-hari yang merujuk perbuatan yang positif ataupun sebaliknya.

Jika diperhatikan pada domain sebelum ini, peribahasa yang dipaparkan menunjukkan sifat positif berunsurkan gajah dari sudut kekuatan, kekuasaan, namun dalam domain alam kehidupan ini terdapat peribahasa yang menunjukkan sifat yang sebaliknya berdasarkan sifat gajah itu sendiri. Sebagai contoh, P12, iaitu hitam-hitam gajah, putih-putih udang kepai yang menunjukkan sifat negatif fizikal gajah, iaitu hitam. Berdasarkan peribahasa dan pemaknaan, padanan peribahasa dan maknanya dapat dilihat melalui RRS. Dalam konteks kajian ini, RRS dapat dipadankan bagi melihat makna konotasi yang dibawa oleh gajah. Perhatikan P12: RRS bagi melihat padanan peribahasa dan maknanya berdasarkan RRS.

P12: RRS

P12: Hitam-hitam (1) gajah (2), putih-putih (3) udang kepai (4)

Makna: **Yang hina tetap hina (1) walaupun baik rupanya (2), yang mulia tetap mulia (3) walaupun buruk rupanya (4)**

Contoh ayat 3:

Awang Kerana **kau menunjuk kekuatan (1)** di hadapan **Seri. Kau nak memikat hati (2)** dia, ya. Kau mengalahkan Tambak. Kau beham-benamkan **dia dalam air**. Sebab itu aku buat begini.

Damak Eh, Awang. **Aku bukan macam kaulah (1)**. Kalau **kau, ya. Pantang nampak perempuan dahi licin sikit (2).**

(Filem Seri Mersing)

Berdasarkan P12: RRS, padanan setiap leksikal dalam peribahasa P12 berjaya dijalankan. Padanan peribahasa dan maknanya dapat dilihat pada RRS tersebut. Elemen gajah dilihat digunakan bagi menyampaikan makna dan konotasi yang berkaitan. Jika diperhatikan pada P12, leksikal hitam-hitam (1) dikonotasikan dan dipadan kepada yang hina (1), manakala putih-putih (3) sering dikonotasikan kepada yang mulia (3). Berdasarkan P12, maklumat yang disampaikan dalam peribahasa mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Jika diperhatikan pada padanan (1), (2) dan (3) mempunyai kaitan yang berfungsi bagi melengkapkan satu pemaknaan yang jelas. Penjelasan maksud peribahasa melalui konteks peribahasa dapat membantu pembaca menginterpretasi dan memahami maksud sebenar peribahasa dengan lebih jelas. Premis-premis tambahan yang ada dalam peribahasa tersebut dapat membantu dan mengurangkan kos dan usaha penginterpretasian makna peribahasa tersebut. Premis tambahan diperoleh daripada pengalaman, ensiklopedia, pengetahuan am dan sebagainya. Keupayaan kognitif pembaca terserlah apabila peribahasa ini dapat ditakrifkan dan makna sebenar dapat dirungkai. Pengetahuan am, ensiklopedia dan maklumat tambahan dapat membantu penginterpretasian makna peribahasa. Pengetahuan am seperti makna gajah dan sifat fizikal gajah, iaitu warna hitam, berbelalai dan bergading dapat membantu pembaca menginterpretasi makna peribahasa. Begitu juga halnya dengan penginterpretasian udang kepada atau lebih dikenali sebagai udang geragau. Sifat udang kepai yang berwarna putih dan buruk rupa merupakan elemen penting dalam penginterpretasian makna.

Penginterpretasian makna peribahasa P12 berdasarkan RRS dapat membantu pembaca lebih mudah untuk memahami makna sebenar peribahasa. Penggunaan elemen gajah dalam peribahasa P12 ini secara kesimpulannya menunjukkan bahawa elemen gajah digunakan bagi merujuk kepada alam kehidupan. Jika diperhatikan secara lebih mendalam perkaitan antara elemen gajah, RRS dengan domain alam kehidupan,

peribahasa ini merupakan satu pendisiplinan kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui RRS yang dijalankan, iaitu merujuk kepada kehidupan. Hal ini jelas terbukti melalui penggunaan sifat dan keperibadian gajah dan elemen lain seperti udang kepai yang berkontradiksi dengan sifat gajah. Di sini jelas menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan elemen dan sifat yang hendak disampaikan dan juga elemen nasihat dalam peribahasa ini. Sifat-sifat alami seperti hitam dan putih yang sering berkonotasi kepada elemen baik dan buruk yang dipadankan dalam P12 ini. Dengan adanya RRS padanan elemen yang berkaitan secara tidak langsung menguatkan lagi maklumat yang diperlukan dalam penginterpretasian peribahasa.

Berdasarkan contoh ayat 3, perbualan yang dihasilkan mempunyai konteks perdebatan. Dalam ujaran tersebut, peribahasa P12 mempunyai perkaitan ayat 3, iaitu yang hina tetap hina walaupun baik rupanya, yang mulia tetap mulia walaupun buruk rupanya. Jika diperhatikan dalam ayat 3, kesan konteks dapat dilihat melalui frasa ‘Kerana kau menunjuk kekuatan di hadapan Seri’ merupakan frasa pemula dalam usaha untuk memperkuuh maklumat sedia ada. Penjelasan dan maklumat seterusnya iaitu pada frasa ‘Kau mengalahkan Tambak. Kau benam-benamkan dia dalam air’ merupakan maklumat tambahan dalam menginterpretasi maklumat dalam ayat 3. Ujaran yang diucapkan ini secara tidak langsung memberi gambaran dan kefahaman mengenai tindakan yang dilakukan penutur. Frasa ‘Aku bukan macam kaulah. Kalau kau, ya. Pantang nampak perempuan dahi licin sikit’ merupakan tindak balas yang menunjukkan kefahaman dan hasil pengukuhan maklumat yang diperoleh. Justeru, dalam ayat 3 ini, usaha memproses ujaran adalah rendah hasil daripada pengukuhan maklumat sedia ada dan penambahan maklumat dalam ensiklopedia pendengar.

Domain Jimat Cermat

Dalam konteks kajian ini, terdapat 3 peribahasa yang berobjekkan gajah dikenal pasti yang berdomainkan jimat cermat. Sifat gajah yang berbadan besar digambarkan sebagai gambaran perbelanjaan besar. Perhatikan Jadual 4 yang memaparkan domain jimat cermat berobjekkan gajah.

Jadual 4 Domain Jimat Cermat

Domain		Peribahasa	Makna
Jimat Cermat	P14	Gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar, akhirnya mati kebangangan	Seseorang yang berbelanja seperti orang kaya, akhirnya menderita
	P15	Gajah harimau di hutan hendak diburu, pijat-pijat di bantal tak dapat dihapuskan	Kejahatan orang besar dan orang yang lebih kuat daripada kita hendak dibasmi, kejahatan anak buah sendiri di rumah tiada dapat diatasi.
	P16	Gajah lalu kumpai layu	Seseorang yang berbelanja seperti orang kaya, akhirnya menderita.

Jadual 4 memaparkan data yang berdomainkan jimat cermat yang menggunakan objek gajah sebagai elemen utama. P14, P15 dan P16 merupakan peribahasa yang digunakan dalam menyampaikan sindiran, teguran dan panduan kepada masyarakat agar berjimat cermat. Penggunaan elemen gajah dalam peribahasa

tersebut dapat dirungkai melalui proses RRS. Dalam proses pemanfaatan RRS, setiap leksikal perlu difahami oleh pembaca agar penginterpretasian makna peribahasa dapat dijalankan dengan tepat dan betul. Oleh yang demikian, perhatikan P14: RRS dalam menentukan padanan yang tepat dalam menginterpretasi peribahasa, elemen gajah dan maknanya.

P14: RRS

P14: Gajah berak besar (1), kancil pun hendak berak besar (2), akhirnya mati kebangangan (3)

Makna: Seseorang yang berbelanja (2) seperti orang kaya (1), akhirnya menderita (3)

Contoh ayat 4:

Memetik dari sebuah tangkap layar, terdapat situasi di mana **ibu bapa pengantin perempuan berhasrat (2)** untuk mengadakan **majlis perkahwinan yang besar (1)** sehingga **meminta pengantin lelaki untuk membuat ‘personal loan’ bagi menanggung majlis itu (3).**

(Sirap Limau, 9 Nov 2022)

Gajah berak besar (1), kancil pun hendak berak besar (2), akhirnya mati kebangangan (3)

P14: RRS menunjukkan padanan bagi peribahasa dengan maknanya yang sesuai dan tepat. Padanan (1) dirujuksilangkan dengan makna orang kaya yang juga dilabelkan (1). Padanan ini dibuat berdasarkan elemen utama, iaitu gajah yang mempunyai fizikal yang besar. Jika diamati fizikal dan sifat gajah, haiwan ini mempunyai nilai yang tinggi terutamanya daripada sumber gadingnya mahal di pasaran. Leksikal ‘berak besar’ di sini bukanlah merujuk kepadakekayaan, namun leksikal ini merujuk kepada perbelanjaan yang banyak. Seperti yang diketahui, proses nyahtinja merupakan satu proses pembuangan daripada proses penghadaman. Kedua-dua padanan ini wujud dalam premis tambahan ini merupakan anteseden yang boleh difahami, iaitu menunjukkan seseorang berbelanja mengikut kepada kemampuan diri. Frasa dan maklumat tambahan dapat dilihat melalui leksikal selepasnya, iaitu dalam label (2). Label (2) pula dalam peribahasa, iaitu kancil pun hendak berak besar dipadankan dengan seseorang yang berbelanja seperti orang kaya (2). Padanan ini dibuat adalah berdasarkan maklumat yang terdapat dalam peribahasa itu sendiri dan juga maklumat-maklumat tambahan sama ada sebelum atau selepas anteseden yang melatarinya. Dengan padanan yang dibuat, dapatlah dijelaskan di sini bahawa frasa yang dipadankan seperti label (1) dan (2) menjadi maklumat tambahan kepada makna peribahasa yang hendak disampaikan. Kewujudan kesan kognitif yang tinggi dapat merendahkan kos memproses maklumat untuk pemahaman pembaca.

Padanan (3) dalam peribahasa P14, iaitu mati kebangangan dipadankan dengan makna menderita (3). Padanan ini dijalankan atas maklumat anteseden sebelumnya, iaitu pada label (1) dan (2). RRS yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kos memproses dan mewujudkan kesan kognitif yang tinggi dalam memnginterpretasi peribahasa tersebut.

Domain Ilmu Pengetahuan

Daripada 45 peribahasa, hanya 3 peribahasa yang merujuk kepada domain ilmu pengetahuan yang berunsurkan gajah. Domain ilmu pengetahuan yang berunsurkan gajah ini merujuk kepada seseorang dapat dikalahkan dengan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, domain ini dikenal pasti berdasarkan peranan

ilmu pengetahuan yang mempunyai pelbagai tujuan. Oleh itu, perhatikan Jadual 5 yang memaparkan data-data domain ilmu pengetahuan berunsurkan gajah.

Jadual 5 Domain Ilmu Pengetahuan

Domain		Peribahasa	Makna
Ilmu Pengetahuan	P17	Gajah mati dicatuk katak.	Orang berkuasa dapat dikalahkan oleh orang yang lemah.
	P18	Gajah dialahkan oleh pelanduk.	Orang berkuasa dapat dikalahkan oleh orang yang lemah.
	P19	Gajah ditelan ular lidi.	Orang berkuasa dapat dikalahkan oleh orang yang lemah.

Jadual 5 menunjukkan peribahasa yang berunsurkan gajah merujuk kepada domain ilmu pengetahuan. Berdasarkan peribahasa dan pemaknaannya, jelas menunjukkan bahawa P17, P18 dan P19 mengandungi konotasi yang terarah kepada ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, ketiga-tiga peribahasa mempunyai makna yang sama, iaitu orang berkuasa dapat dikalahkan oleh orang yang lemah. Oleh yang demikian, RRS yang dijalankan akan menunjukkan hubung kait dan rujukan yang tepat terhadap elemen dalam peribahasa dan pemaknaannya. Perhatikan P19: RRS yang memaparkan rujuk silang bagi peribahasa yang dipilih.

P19: RRS

P19: **Gajah (1) ditelan (2) ular lidi (3).**

Makna: **Orang berkuasa (1) dapat dikalahkan (2) oleh orang yang lemah (3).**

Contoh ayat 5:

“...Kau berdua (1) Tambak tak boleh mengalahkan (2) Damak (3)...” (Filem Seri Mersing)
Gajah (1) ditelan (2) ular lidi (3).

P19: RRS menunjukkan padanan dan rujukan bagi peribahasa P19. Penggunaan RRS dalam merungkai padanan dan rujukan serta makna pada peribahasa yang terdapat dalam P19. Penjelasan maksud peribahasa melalui konteks peribahasa ini dapat membantu pembaca menginterpretasi makna peribahasa dan rujukannya. Berpandukan peribahasa dan rujukan RRS, jelas dapat difahami bahawa P19 ini merupakan peribahasa yang menceritakan ilmu pengetahuan. Elemen gajah (1) dirujuksilangkan kepada orang berkuasa (1) atas dasar bentuk fizikal dan sifat gajah itu sendiri. Seperti yang diketahui, gajah mempunyai struktur badan yang besar dan mempunyai nilai yang tinggi terutamanya pada bahagian gadingnya. Justeru, padanan RRS bagi gajah amat sesuai dengan orang berkuasa.

Seterusnya, RRS bagi ditelan (2) pula merujuk kepada dapat dikalahkan (2). Hal ini demikian kerana penjelasan makna peribahasa ini dibantu oleh adanya premis tambahan yang diperoleh daripada pengalaman sedia ada pembaca. Berpandukan bantuan premis tambahan, usaha memproses makna adalah rendah. Leksikal ditelan (2) dikonotasikan kepada kekalahan atau menjadi mangsa kepada sesuatu. Justeru, RRS bagi ditelan (2) amat tepat untuk dirujuksilangkan kepada dapat dikalahkan (2) pada makna peribahasa ini.

Melalui RRS ini, leksikal ditelan (2) bukanlah mempunyai makna literal makan, namun makna implisit ditelan (2) ini dikonotasikan kepada kekalahan atau dikalahkan.

RRS bagi rujukan ular lidi (3) dirujuksilangkan kepada orang yang lemah (3). Jika diperhatikan sifat dan fizikal ular lidi sememangnya mustahil dapat menelan seekor gajah. Konotasi bagi RRS ini adalah untuk menunjukkan bahawa orang yang lemah juga dapat mengalahkan orang yang berkuasa dari segi ilmu pengetahuan. Peribahasa ini mengajar masyarakat bahawa setiap manusia mempunyai kelemahan walhal seorang yang berkuasa. Justeru, RRS ini adalah untuk melihat dan memberikan rujukan yang tepat agar pemaknaan peribahasa dapat difahami dan dihayati. RRS ini juga berfungsi untuk menghuraikan kerelevan sesuatu rujukan dan elemen yang digunakan. P19 ini menggunakan dua elemen yang berbeza, iaitu elemen gajah dirujuk kepada orang yang berkuasa disebabkan oleh sifat dan fizikal gajah yang gagah, besar, bernilai tinggi, manakala ular lidi mempunyai sifat dan fizikal yang berbeza dengan gajah, iaitu kecil, tidak berbahaya dan tidak dipandang. Berdasarkan fizikal dan sifat ular lidi ini, jelaslah dapat difahami bahawa ular lidi dikonotasikan kepada orang yang lemah, iaitu merujuk kepada sifat ular lidi yang langsung tidak berbahaya. Berdasarkan RRS yang dijalankan pada P19 ini, jelaslah bahawa padanan peribahasa dan makna yang dijalankan adalah tepat dan mempunyai konotasinya yang tersendiri bagi merujuk kepada sesuatu domain.

Padanan (3) dalam peribahasa P19, iaitu Damak dipadankan dengan makna (3). Padanan orang yang lemah (3) ini dijalankan atas maklumat anteseden sebelumnya, iaitu pada label (1) dan (2). RRS yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kos memproses dan mewujudkan kesan kognitif yang tinggi dalam memnginterpretasi peribahasa tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, jelaslah bahawa setiap peribahasa yang dinyatakan mempunyai domainnya yang tersendiri berdasarkan RRS yang dimiliki. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menjalankan RRS adalah berdasarkan peribahasa berunsurkan gajah yang dipadankan dengan domain dan kemudiannya dirujuksilangkan peribahasa kepada makna menggunakan RRS. Berdasarkan analisis, pengkaji mendapati bahawa padanan unsur gajah dan pemaknaannya mempunyai pelbagai konotasi berdasarkan domain. Peribahasa berunsurkan gajah dapat disimpulkan bahawa unsur gajah mempunyai konotasi orang yang berkuasa, keberanian, orang kaya, dan pemimpin. Justeru, kajian ini sangat bermanfaat kepada para pengkaji bahasa dan linguistik terutamanya kepada pelajar yang ingin mendalami unsur fauna dalam peribahasa. Selain itu, kajian ini juga memberi manfaat kepada organisasi kerajaan dalam memartabatkan dan mengangkat khazanah Melayu ke persada dunia yang melibatkan pertukaran intelektual.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan kepada pihak UTM kerana sudi menerima artikel ini sehingga diterbitkan. Penulis juga ingin mengucapkan kepada sarjana-sarjana lepas yang memberikan pelbagai sumber dan idea kepada penulis sehingga terhasilnya artikel ini.

REFERENCES

- Aminnudin Saimon dan Muhammad Asyraf Md Rashid. (2021). Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Languages Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 11(2), 10-21.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1).
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72. <https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0901-06>.
- Junaini Kasdan. (2015). Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Seminar Meja Bulat ‘Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur’*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasyikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 31-42.
- Kempson, R. (1984). Anaphora, The Compositionality Requirement and the Semantics-Pragmatic Distinction. *Proceedings of the NorthEastern Linguistics Society XIV*.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2018). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Imej Tumbuhan Dalam Slanga: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC) IJHTC*, 4, 1-20. <http://journal.ump.edu.my/>
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Gallus Gallus Domesticus dan Paradoxurus Hermaphroditus dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51. Penerbit UTM Press.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). Sudah Tidak Tersudu Oleh Angsa, Baru Diberikan Kepada Itik: Perspektif Semantik Inkuisitif dan Akal Budi Melayu. *JMS*, 2(1), 37-62.
- Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Refleksi Sisi Negatif Burung Gagak Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44. <https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>.
- Nur Izzati Rozman & Nor Azilawati Mohd Noor. (2018). *Semantik Inkuisitif Analisis ‘Belut’ dalam Peribahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Syazana Roslan & Nurul Jamilah Rosly (2021). Leksikal “Hati” dalam Simpulan Bahasa: Analisis Semantik Inkuisitif *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2).

- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet. (2021). Imej Perlambangan ‘Tangan’ Dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.261>.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit UPM.
- Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin. (2018). Metafora Bunga Kiambang dalam PANTUN Melayu Berdasarkan Teori Relevan dan Rangka Rujuk Silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 1-17.